



**PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

Tarikh : 1 Oktober 2001

PEKELILING MAJIKAN BIL.12/2001

KADAR BANTUAN KEWANGAN

1 TUJUAN

Tujuan Pekeliling Majikan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua majikan mendaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) mengenai kenaikan kadar bantuan kewangan bagi bidang latihan penyeliaan dan lain-lain bidang kemahiran dari 85% kepada 100% untuk tempoh satu tahun mulai 1 November 2001.

2 KENAIKAN KADAR BANTUAN KEWANGAN

- 2.1 Lembaga Pengarah PSMB dalam mesyuarat Bil. 2/2001 pada 20 September 2001 telah membuat keputusan bahawa kadar bantuan kewangan bagi bidang latihan penyeliaan dan lain-lain bidang kemahiran seperti contoh bidang pengurusan projek, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dinaikkan dari 85% kepada 100% daripada kos latihan yang dibenarkan untuk tempoh satu tahun mulai 1 November 2001 sehingga 31 Oktober 2002. Kenaikan kadar bantuan kewangan ini adalah bertujuan mendorong majikan mempergiatkan aktiviti latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja dalam suasana kelembapan ekonomi ini.
- 2.2 Kenaikan kadar bantuan kewangan ini adalah bagi program latihan yang tarikh latihan bermula antara tarikh 1 November 2001 sehingga 31 Oktober 2002. Bagi permohonan geran latihan Skim Bantuan Latihan, SBL-PKS, SBL-Khas, Pelan Latihan Tahunan dan Skim Latihan Bersama, hanya permohonan geran latihan yang diterima oleh PSMB pada atau selepas tarikh pekeliling majikan Bil. 12/2001 ini sahaja layak mendapat kadar bantuan kewangan ini. Permohonan geran latihan yang diterima sebelum tarikh pekeliling ini tidak layak mendapat kemudahan ini, walaupun tarikh latihan bermula pada atau selepas 1 November 2001. Bagi geran latihan di bawah Skim PROLUS dan PERLA, kenaikan kadar bantuan kewangan ini adalah bagi latihan yang bermula antara 1 November 2001 hingga 31 Oktober 2002.
- 2.3 Kenaikan kadar bantuan kewangan ini tidak melibatkan latihan di luar negeri. Dengan demikian, kadar bantuan kewangan bagi latihan luar negeri adalah kekal pada kadar 50% daripada kos latihan yang dibenarkan.

3. TARIKH KUATKUASA

- 3.1 Pekeliling Majikan Bil. 12/2001 ini berkuatkuasa mulai 1 November

2001 dan berakhir pada **31 Oktober 2002.**

Sekian, terima kasih.

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN "
"K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA"

Yang ikhlas,

(RUSNAN BIN SAMAT)
Pengarah Geran Latihan
Pembangunan Sumber Manusia Berhad